



Selasa, 31 Julai 2007

Laman Utama

Redaksi

Siapa Kami?

Hubungi Kami



• Nasional • Dunia • Ekonomi • Sukan • Citra • Hip • Agama • Komputer • Dimensi • Rencana • Surat • Diagnosis • Skuad • Pendidikan • Sastera • Destinasi • Hias Laman • Dekor • Edisi Utara • Edisi Timur • Edisi Sentral • Edisi Johor • Edisi Sabah&Sarawak • Bintang Popular • Ikon • EpG • Gawang • Joran • Web Sekolah • RSS Feed •

WAKTU SOLAT

Waktu solat bagi kawasan Kuala Lumpur...

SUBUH	5:51
ZUHUR	13:21
ASAR	16:43
MAGHRIB	19:28
ISYAK	20:41

[Waktu solat kawasan lain...](#)

Rencana

Malaysia patut cergas lobi Setiausaha Agung Komanwel

Oleh Wan Saiful Wan Jan

MESYUARAT Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) adalah persidangan tertinggi ketua negara Komanwel. CHOGM 2007 akan berlangsung di Kampala, Uganda, November ini. Kali ini, amat penting bagi negara kita kerana Datuk Seri Dr Rais Yatim dijangka mewakili Malaysia bagi merebut jawatan Setiausaha Agung Komanwel.

PROMOSI

- ▶ **Berita Harian dan Harian Metro** - Versi PDA
- ▶ **Berita Harian** - Versi Digital
- ▶ **NSTP Classifieds** - tempah iklan di akhbar
- ▶ **Arkib Berita** semenjak 1991

PETRONAS

Satu warisan. Satu matlamat.
One legacy. One destiny.

Tonton Iklan-iklan PETRONAS di sini

Letak kursor untuk mainkan video ▶



**Artik
Pen**

Ini adalah jawatan tertinggi dalam sekretariat Komanwel. Bagaimanapun, Khamis lalu, Rais mengumumkan akan menarik diri daripada dicalonkan untuk jawatan itu. Namun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan belum memutuskan sama ada menerima atau menolak keputusan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan itu.

Jika Rais mengubah pendirian dan sedia bertanding, kita menghadapi saingan dari India dan Malta. Calon India, Kamallesh Sharma, dan calon Malta, Michael Frendo, ligat mengelilingi dunia untuk melobi. Dalam lawatan ke beberapa negara Komanwel, mereka mengeluarkan kenyataan penting mengenai politik dunia.

Mereka juga giat menghadiri persidangan tinggi badan dunia untuk mempromosi idea mereka. Semua yang mereka lakukan adalah untuk satu tujuan saja – memperkenalkan diri mereka kepada ketua negara Komanwel.

Maklumat Penuh...

Ini adalah realiti pertandingan merebut jawatan Setiausaha Agung Komanwel. Hanya 53 orang ketua negara yang akan mengundi. Hanya 53 orang ini yang akan menentukan Rais menang atau kalah. Tidak banyak berita yang kita dengar mengenai pertemuan Dr Rais dengan

KLIK KHAS

- ▶ Bajet2006
- ▶ Galeri Video
- ▶ Galeri Seminggu
- ▶ Perhimpunan Agung UMNO
- ▶ Senarai Kabinet 2006
- ▶ Terima Kasih Dr Mahathir

PAUTAN LAIN	
NSTP	
e-media	
Harian Metro	
New Straits Times	
Malay Mail	
Klik DBP	
Berita Sawit	



ketua-ketua negara Komanwel. Sejauh manakah kita bersungguh-sungguh dalam melobi?

Kita juga jarang mendengar pandangan Rais mengenai Komanwel. Bagaimana mungkin kita diam sekiranya kita benar-benar mahu mengepalai badan antarabangsa ini? Malahan, sukar untuk kita dapatkan biografi dan gambar rasmi Rais melalui laman web Kementerian Luar Negara. Sepatutnya biografi, gambar dan kenyataan Dr Rais yang berkaitan Komanwel dikumpulkan dalam laman web khas yang mudah dicapai oleh sesiapa saja dari mana-mana negara.

Kita hanya ada kurang empat bulan untuk melobi sokongan. Kementerian Luar Negara mesti bertindak segera. Dalam masa yang semakin suntuk ini, lobi kita mestilah terus kepada ketua-ketua negara Komanwel.

Kita memerlukan undi mereka. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Luar dan Rais mesti melobi pada peringkat paling tinggi. Rais sendiri mestilah proaktif dalam mengatur pertemuan dengan ketua-ketua negara Komanwel untuk memperkenalkan visi beliau.

Daripada maklumat yang diperoleh, India berusaha mendapatkan sokongan negara Komanwel dalam SAARC (South Asian Association for Regional Cooperation – Bangladesh, Maldives, Pakistan dan Sri Lanka) dan juga negara Komanwel Afrika melalui NEPAD (New Partnership for Africa's Development). Malta pula cuba mendapatkan sokongan negara kepulauan Caribbean.

Malaysia juga mestilah mengenal pasti sekutu kita di arena antarabangsa. Setidak-tidaknya kita mesti memastikan 11 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) lain dalam Komanwel menyokong kita. Malaysia sudah sekian lama aktif dalam OIC dan Rais adalah satu-satunya calon mewakili negara Muslim.

Malaysia juga mempunyai imej yang baik di Afrika, Caribbean dan negara Pasifik. Tetapi kita tidak boleh berpeluk tubuh. Kita mesti bekerja untuk mendapatkan undi atau kita akan kalah sebelum bertanding.

Malaysia, terutamanya Rais, mesti bertindak dengan strategik jika kita benar-benar mahu menang. Kita mempunyai kekuatan tersendiri. Dalam dunia yang semakin bergelodak, Malaysia boleh berbangga kerana kita adalah antara negara umat Islam paling aman.

Kita juga bebas daripada pengaruh Amerika, China atau India. Kebebasan ini adalah perkara unik kerana kita boleh tegas dalam memperjuangkan masa depan negara membangun. Di kalangan negara membangun pula, kita adalah antara negara paling maju dari sudut ekonomi, serta paling terkehadapan dalam usaha liberalisasi ekonomi. Ini kekuatan kita.

Rais mesti bersedia untuk melawat sebanyak mungkin negara Komanwel. Diplomat kita di sana mestilah memberi sokongan sepenuhnya kepada Rais serta melobi bagi pihak Rais secara proaktif.

Rais mesti juga datang ke London untuk bertemu Perdana Menteri dan Menteri Luar Britain yang baru. Lebih penting lagi, Rais mesti juga bertemu dengan komuniti Komanwel yang berpusat di London. Di London, Rais agak kurang dikenali berbanding dua calon lain. Kebanyakan media antarabangsa di London sudah mendengar daripada Sharma dan Frendo. Rais mesti berkomunikasi dengan media antarabangsa.

Jika kita boleh mendapatkan sokongan Britain, maka itu adalah satu bonus untuk Malaysia. Walaupun Britain hanya mempunyai satu undi, mereka membawa reputasi agak tinggi. Kita juga mesti berusaha mendapatkan sokongan negara utama dalam Komanwel seperti Afrika Selatan, Nigeria, Jamaica dan Barbados. Mereka boleh membantu kita

dalam mendapatkan sokongan negara lain.

Dalam usaha mendapatkan sokongan, Rais mesti membuktikan kebolehan beliau membincangkan isu dunia dan isu lain yang penting dalam Komanwel. Beliau mesti mempunyai satu idea utama untuk 'dijual'.

Paling penting, Malaysia mesti menghantar delegasi cukup kuat untuk melobi sokongan di Kampala. Persidangan Asean yang akan berlangsung sekitar waktu yang sama tidak boleh dijadikan alasan.

Hari sebelum pengundian adalah hari terpenting kerana mungkin saja ada ketua negara yang datang ke Kampala tanpa keputusan muktamad siapa mereka akan sokong. Tidak ada alasan langsung untuk kita terlepas peluang penting ini.

Kita berharap kerajaan bersegera memperkasa lobi kita. Ini adalah peluang keemasan yang amat berharga. Dalam kita menyambut 50 tahun Merdeka, jangan dipadamkan semangat Malaysia Boleh!

Penulis adalah Ketua Pengarah Malaysia Think Tank London (www.malysiathinktank.org), pernah bertugas di Unit Kajian Polisi Komanwel



Iklan Tekis

- **MAK....AYAH...APALAGI....BANGUN!!! *Baru!***
- **Sumber Pendapatan Hebat Terkini...KLIK! *Baru!***
- **TUKARKAN KAJIAN ANDA DENGAN WANG *Baru!***
- **TERBONGKAR..RAHSIA JUTAWAN!! DARI RUMAH!!!**
- **MISTERI JUTAWAN MUDA SUDAH TERBUKTI!!**
- **Beli/Jual PRABAYAR Melalui SMS@Online**
- **PUNCAK REZEKI ANDA MEMANG DISINI...!!**
- **TUNAI!!! DUIT TUNAI SETIAP HARI!!!**
- **Pelancaran...Kerja MUDAH, pendapatan SAMPINGAN**
- **REHAT-REHAT DAPAT DUIT..??**
- **MARI...JELAJAHI ALAM ALAM JIN!!**
- **RAHSIA TERSEMBUNYI SENJATA LELAKI TERBONGKAR!**
- **MASALAH BERAT BADAN BERLEBIHAN? CUBA...**
- **SEMINAR TERAKHIR UNIT AMANAH JUL-2007!!!**
- **"BUAT SAMPAI JADI DUIT"**
- **SENSASI TERKINI DUNIA INTERNET BISNES**
- **MENJANA WANG DENGAN UNIT AMANAH**
- **RAHSIA MEMIKAT SUAMI TERBONGKAR!...BAHAGIA!!!**
- **FORMULA LUAR BIASA JANA WANG**
- **Lubuk duit TERHEBOH! pasti HEBOH...**
- **HARI-HARI RMX MASUK DALAM AKAUN**
- **KESIHATAN:PERNIAGAAN:PENGHARGAAN**
- **RAHSIA JUTAWAN TERBONGKAR!!..BEKERJA DIRUMAH**

- **AYAH...MAK...TOLONG...!!!**
- **Perigi duit memang meletup**
- **DUDUK DALAM RUMAH BUAT DUIT**
- **Revolusi Perniagaan Berkonsepkan SMS**
- **DOKTOR JAWI**
- **PEMBURU USAHAWAN JUTAWAN...DARI RUMAH!!!**
- **prepaid4u...PENDAPATAN SAMPINGAN YANG LUMAYAN**
- **TERHEBAT!!! Limpahan WANG Klik...Sini...**
- **Miliki Widget hebat hari ini!**

Tempah Iklan Teks disini

• Nasional • Dunia • Ekonomi • Sukan • Citra • Hip • Agama • Komputer • Dimensi • Rencana • Surat • Diagnosis • Skuad • Pendidikan • Sastera • Destinasi • Hias Laman • Dekor • Edisi Utara • Edisi Timur • Edisi Sentral • Edisi Johor • Edisi Sabah&Sarawak • Bintang Popular • Ikon • EpG • Gawang • Joran • Web Sekolah • RSS Feed •

Copyright 2007 Berita Harian Sdn. Bhd. All rights reserved. Emel kami sebarang *maklum balas*.